

PERBARISAN TAHUNAN PUTERA MAKTAB TENTERA DIRAJA 2017



airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2781-perbarisan-tahunan-putera-maktab-tentera-diraja-2017

SG BESI, 17 Dis 17 - Timbalan Panglima Tentera Udara, YBhg Lt Jen Dato' Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad TUDM mewakili Panglima Tentera Udara hadir menyaksikan Perbarisan Tahunan Putera Maktab Tentera Diraja (MTD) tahun 2017 melibatkan 498 pelatih di Padang Kawad Kem Sungai Besi, Kuala Lumpur. Seramai 231 pelatih MTD dinobatkan sebagai Old Putera (OP) dan kini bakal meneruskan pengajian ke universiti setelah menamatkan sesi pengajian peringkat menengah dengan jayanya.

Majlis tahunan yang diadakan sebagai tanda penghormatan dan mengiktiraf kejayaan pelatih menamatkan tempoh pengajian selama dua tahun disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pertahanan, YB Dato' Sri Mohd Johari Baharum dan turut dihadiri oleh Panglima Angkatan Tentera, YM Jen Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamad Noor serta Panglima-panglima Perkhidmatan lain.







